

11/09/1997

Umno Sabah sokong syor Perdana Menteri

KOTA KINABALU, Rabu - Badan Perhubungan Umno Sabah menyokong cadangan pucuk pimpinan parti itu supaya tidak diadakan pertandingan jawatan dalam parti berkenaan sehingga pilihanraya umum di negeri ini pada 1999.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, berkata cadangan itu perlu dipertimbangkan terutama kepada Umno negeri ini untuk memastikan kestabilan dan perpaduan parti.

"Pertandingan dalam parti hanya proses demokrasi yang tidak dapat menjamin kestabilan politik," katanya di sini ketika mengulas kenyataan perwakilan Umno Pulau Pinang pada Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan cadangan itu wajar dan perlu dipertimbangkan dengan teliti oleh semua peringkat parti berkenaan di negeri ini sebelum pilihanraya umum.

Menurut Karim, cadangan itu sebagai menyokong kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyarankan tindakan sering menukar pemimpin dikurangkan kerana boleh menimbulkan perpecahan dalam parti.

Justeru, katanya, Umno Sabah perlu memikirkan cadangan itu secara serius kerana pertandingan jawatan membabitkan perpaduan serta kestabilan yang wujud dalam parti.

"Tanpa pertandingan tidak bermakna demokrasi sudah diketepikan perlembagaan parti, kerana pertandingan boleh diadakan kemudian jika difikirkan penting demi keutuhan, perpaduan dan kestabilan parti.

"Umno Sabah masih baru dengan pemimpinnya perlu diberikan peluang untuk menyusun kegiatan kerja yang lebih teratur," katanya.

(END)